

Jangan tuntutan gaji tinggi saja

KUALA LUMPUR 5 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan kaum pekerja di negara ini supaya tidak menuntut gaji yang terlalu tinggi tanpa meningkatkan daya pengeluaran mereka.

Beliau berkata, tuntutan gaji yang tidak berpatutan tanpa menitikberatkan kenaikan daya pengeluaran akan menyebabkan peningkatan pada kadar inflasi.

"Gaji boleh naik, bukan tak boleh naik tetapi daya pengeluaran mesti dinaikkan. Kalau daya pengeluaran naik, harga barangan tidak naik, kuasa membeli bertambah.

"Kalau kita menyebabkan inflasi berlaku, kos meningkat, kita akan mis-

kin semula. Kenaikan gaji tanpa tambahan dalam daya pengeluaran akan membawa kepada kenaikan kadar inflasi sehingga barangan yang dikeluarkan tidak boleh dijual pada pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen Raksasa MIC di sini, hari ini.

Beliau berkata, penguurusan kerajaan sahaja tidak mencukupi dalam memastikan kestabilan ekonomi dan politik negara ini.

"Saya berharap MIC juga ingin melihat Malaysia stabil dan maju," katanya.

Justeru itu kata beliau, janganlah sesiapa meminta gaji yang tidak berpa-

tutan dan menyebabkan inflasi meningkat.

"Tiada faedah kalau ia meningkatkan inflasi. Apa maknanya membeli barangan RM10 ketika berpendapatan RM100 dan membeli pada harga RM100 apabila gaji meningkat menjadi RM1,000.

"Tolong sampaikan pada rakan-rakan kita, peningkatan upah dengan tiada peningkatan kuasa membeli tidak memberi makna.

Daya kuasa

"Kita ingin melihat pendapatan rakyat ditambah tetapi ditingkat dengan daya kuasa membeli," katanya.

Perdana Menteri seterusnya berkata, untuk menjadi negara maju perkiraan-perkiraan lain

juga harus dititikberatkan seperti kombinasi antara dasar dan prinsip ke arah pembangunan ekonomi.

"Malaysia mempunyai pendekatan yang amat sesuai dengan pembangunan, kita ingin kekalkan inflasi yang rendah, dan dengan itu nilai mata wang tidak turun," katanya.

Sementara itu, ketika bercakap kepada para pemberita selepas majlis tersebut Dr. Mahathir memberitahu, beberapa pihak mengambil kesempatan untuk mendapat keuntungan yang disifatkan akan mendatangkan kesan buruk.

"Apabila harga meningkat, adalah sukar untuk menurunkan semula. Untuk menaikkan semula pula tidak sukar, orang ra-

mai biasanya adalah tamak," katanya.

Beliau menyoal, apa gunanya mendapat keuntu-

ngan berlebihan sekiranya ia tidak membolehkan membeli barangan baru sebaliknya terpaksa

menggunakan jumlah wang yang berlebihan.

"Saya nak terangkan kepada peniaga dan pekerja-

bahawa yang penting bukan jumlah wang tetapi barangan yang dapat dibeli dengan wang itu," katanya.